

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD**  
**[KOTA RAJA]**  
**TARIKH : 19 MEI 2016**  
**SOALAN :**

**YB Dr. Hajah Siti Mariah Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh KKM atau universiti tempatan mengenai peningkatan insiden obesiti dan corak pemakanan rakyat Malaysia dan apakah pelan tindakan jangka panjang KKM untuk membendung Obesiti di kalangan rakyat.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (*National Health and Morbidity Survey, NHMS*) bermula tahun 1986, yang mana antara lain bertujuan mengkaji trend obesiti di Malaysia. Hasil kajian ini mendapati, prevalens obesiti telah meningkat dari 4.4% pada tahun 1996 kepada 14.0% pada tahun 2006, 15.1% pada tahun 2011 dan 17.7% pada tahun 2015.

Hasil kajian NHMS 2011 menunjukkan bahawa hanya 13.3% orang dewasa di Malaysia mengambil sayur-sayuran yang mencukupi (3 sajian atau lebih sehari). Prevalens ini telah menurun kepada 11.2% pada tahun 2015. Hasil kedua-dua kajian ini juga menunjukkan bahawa bagi pengambilan buah-buahan yang mencukupi (2 sajian atau lebih sehari) telah menurun dari 14.6% pada tahun 2011 kepada 9.9% pada tahun 2015.

KKM sangat prihatin terhadap peningkatan prevalens obesiti, dan amalan pemakanan yang tidak baik di kalangan rakyat Malaysia. Sehubungan itu, beberapa pelan tindakan jangka panjang telah dibentuk bagi menangani masalah ini. Ianya termasuklah Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit (2015-2020), Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia III (*National Plan of Action for Nutrition Malaysia, NPANM III*) (2016-2025), Pelan Strategi Aktiviti Fizikal Kebangsaan (2016-2025) dan *Policy Options* untuk Menangani Masalah Obesiti di Malaysia.

KKM sedang menjalankan beberapa kajian obesiti di Malaysia. Salah satu daripadanya ialah kajian "*Next Generation Health Initiative A Timely Intervention To Reduce Obesity, Cardiovascular Disease And Diabetes Transmission Across Generation*", yang dikenali sebagai "Jom Mama". Kajian yang dijalankan secara perkongsian pintar dengan pihak swasta ini dijalankan dalam tiga fasa, untuk mengkaji impak intervensi ke atas ibu sebelum mengandung dalam mencegah kemunculan diabetes dan NCD pada ibu dan bayi yang bakal dilahirkan.

KKM juga telah mengambil tindakan untuk menangani obesiti melalui kerjasama kajian dengan Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Kementerian Pendidikan, universiti-universiti awam lain, Global Science and Innovation Advisory Council (GSIAC), Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) dan The Sackler Institute for Nutrition Science, Academy of Science, New York untuk merangka dan melaksana program-program intervensi di kalangan pelajar sekolah, suri rumah dan penjawat awam. Kajian intervensi ini dinamakan 'My Body is Fit and Fabulous' (MyBFF), dengan objektif untuk membentuk program intervensi dan seterusnya menilai keberkesanannya dalam menurun dan mengawal berat badan responden.

Usaha untuk menangani masalah obesiti adalah tanggungjawab bersama kerana penyebab obesiti adalah kompleks. Ianya melibatkan pelbagai faktor termasuk faktor sosial, budaya dan persekitaran.